

04 JUN, 2024

## Memasak bantu deria anak autisme

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR  
intan.suhana@mediamulia.com.my

**M**ELAKUKAN aktiviti berdasarkan deria untuk anak autisme merupakan sesuatu yang sangat digalakkan oleh pakar.

Aktiviti deria (*sensory*) ini bukan sahaja dapat meningkatkan fokus, malah turut membantu mereka mempelajari sesuatu yang baru.

Bagi ibu bapa yang memiliki anak istimewa ini pasti sentiasa memikirkan bentuk aktiviti yang ingin dilakukan bersama-sama.

Sebenarnya, antara aktiviti yang mudah dan senang untuk dilakukan bersama di rumah adalah memasak.

Pengarah Autism Behavioral Center (ABC), Dr. Charlene Marie Samuel berkata, memasak dan membakar (*baking*) adalah aktiviti yang bagus untuk memperkenalkan aktiviti deria.

"Ibu bapa boleh mengajar kanak-kanak mengikuti pergerakan, mengikut arahan, belajar menunggu dan yang paling penting ini semua membawa kepada kanak-kanak menjadi berdikari."

"Ia adalah peluang untuk merapatkan hubungan dengan ibu mereka sambil belajar atau membentuk kemahiran bantu diri untuk berdikari," katanya kepada Utusan Malaysia.

Baru-baru ini, ABC berganding bahu bersama entiti perniagaan berasaskan bahan masakan, CookX Asia menganjurkan kelas memasak inklusif khas untuk anak-anak autisme bersama ibu masing-masing.

Majlis yang melibatkan tujuh kanak-kanak istimewa itu memberi peluang kepada kanak-kanak tersebut menyediakan scone klasik menggunakan pek eko yang disediakan oleh CookX Asia.

Menjenayah kesedaran autisme dalam kalangan masyarakat, Dr. Charlene berkata, terdapat peningkatan kesedaran dalam kalangan ibu bapa.

"Saya rasa kita sedang menuju ke arah yang betul untuk kesedaran dan keterangkuman autisme di Malaysia."

"Sepuluh tahun lalu, purata kanak-kanak mendaftar dalam terapi adalah tujuh tahun. Hari ini dalam ABC, umurnya dua tahun lebih."

"Ini adalah trajektori luar biasa untuk dilihat kerana pendidikan dan kesedaran adalah tujuh tahun. Hari ini dalam ABC, umurnya dua tahun lebih."

**MEMASAK** aktiviti mudah dan senang untuk dilakukan bersama anak istimewa di rumah.



**Kanak-kanak autistik akan dilatih dan terdedah kepada kemahiran lembut seperti kesabaran, tanggungjawab dan kerja berpasukan dalam proses pembakaran."**

ONG YEW MUN

semua bahan diperlukan, diukur mengikut resipi.

"Oleh itu tidak ada pembaziran makanan selepas memasak atau membakar. Salah satu cabaran dihadapi oleh kanak-kanak autistik adalah kesukaran dalam mengukur pelbagai jenis bahan dalam resipi."

"Konsep kami tampilan ini dapat membantu mengatasi masalah ini supaya mereka boleh memberi tumpuan kepada proses memasak untuk membuat makanan yang mereka suka makan di rumah," katanya.

Aplikasi jenama itu boleh dimuat turun secara percuma oleh pengguna dengan lebih daripada 500 video resipi video tersedia.

"Melalui bengkel kami yang direka dengan baik terutamanya dalam kerjasama dengan ABC, kanak-kanak autistik akan dilatih dan terdedah kepada kemahiran lembut seperti kesabaran, tanggungjawab dan kerja berpasukan dalam proses pembakaran."

"Pada akhirnya, kami berharap mereka juga dapat menikmati dan belajar seperti kanak-kanak biasa," katanya.

## Memasak bantu deria anak autisme



(DARI KIRI) Charlene Marie Samuel, Marina Mustafa dan Wong Yew Mun pada kelas memasak inklusif khas untuk anak-anak autisme baru-baru ini.


### PEK MUDAH MEMASAK

Proses memasak menjadi lebih mudah jika sukatan dan bahan-bahan untuk suatu menu sudah tersedia di dalam satu pek.

Apatah lagi jika mahu megadakan aktiviti memasak bersama anak autisme kerana mereka mengalami kesukaran untuk fokus dan memberikan perhatian.

Justeru, Ketua Pegawai Eksekutif CookX Asia, Wong Yew Mun yakin dengan kehadiran pek-eko bahan masakan jenama itu, mampu membantu melancarkan proses memasak bagi kanak-kanak autistik dan ibu bapa.

"Konsep pek-eko kami direka untuk membantu pengguna memudahkan proses memasak di mana



04 JUN, 2024

## Memasak bantu deria anak autisme

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Intan.suhana@mediamulia.com.my MELAKUKANaktiviti berdasarkan deria untuk anak austisme merupakan sesuatu yang sangat digalakkan oleh pakar. Aktiviti deria (sensory) ini bukan sahaja dapat meningkatkan fokus, malah turut membantu mereka mempelajari sesuatu yang baharu. Bagi ibu bapa yang memiliki anak istimewa ini pasti sentiasa memikirkan bentuk aktiviti yang ingin dilakukan bersama-sama. Sebenarnya, antara aktiviti yang mudah dan senang untuk dilakukan bersama di rumah adalah memasak. Pengarah Autism Behavioral Center (ABC), Dr.